

**Asean Setuju Keluarkan Tembakau Daripada Senarai AFTA – Liow
Bernama
09 Julai, 2012**

PETALING JAYA, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia dan negara anggota Asean bersetuju bahawa tembakau tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam senarai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) untuk pelaksanaan pada 2015.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata pendapat ini dicapai pada Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Asean ke-11 yang berlangsung di Phuket, Thailand, Khamis lepas.

"Kita bersetuju bahawa tembakau perlu dikeluarkan daripada senarai produk AFTA kerana ia secara langsung dapat mengurangkan bilangan perokok dan mewujudkan persekitaran bebas rokok," katanya.

Liow berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Saintifik 'Gastrointestinal & Nutrition Management: Continual Care' 2012 anjuran Persatuan Pemakanan Malaysia (MDA) di Pusat Perubatan Sunway di sini, Isnin.

Liow berkata mesyuarat itu juga turut menyentuh mengenai usaha meningkatkan kerjasama antara negara Asean dalam menangani isu wabak penyakit berjangkit terutama jangkitan virus influenza A (H1N1) selain mengadakan bengkel dan seminar untuk negara Asean berkongsi isu-isu kesihatan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679260>